

Sambutan tahun ini luar biasa — PM

UM - 1 SEP 2003

PUTRAJAYA 31 Ogos - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menganggap Sambutan Hari Kebangsaan Ke-46 di Boulevard, Dataran Putrajaya hari ini sebagai luar biasa dan merupakan yang paling hebat pernah diadakan.

Perdana Menteri berkata, begitu ramai rakyat datang untuk menyaksikan sambutan itu dan mereka begitu ghairah dan bersemangat.

"Ini sesuatu yang luar biasa, ramai orang yang datang dan mereka semuanya bersemangat," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada majlis itu.

Sambutan Hari Kebangsaan Ke-46 itu dihadiri oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agung, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Hadir sama ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood.

Ia turut disaksikan oleh menteri-menteri Kabinet, duta-duta asing serta wakil-wakil media dan agensi pelancongan dari luar negara.

Ditanya sama ada ia merupakan yang terbesar pernah diadakan, Dr. Mahathir berkata: "Ya, nampaknya begitu, pertunjukkan juga besar."

Malah katanya, terdapat banyak peningkatan dalam sambutan itu di mana persembahan yang diadakan lebih bersemangat dan bersatu padu.

Katanya lagi, penyertaan dari Sabah dan Sarawak juga menunjukkan perpaduan yang utuh di kalangan rakyat negara ini di samping nyanyi-an dalam pelbagai bahasa.

Perasaan

"Saya amat gembira kali ini," katanya ketika ditanya perasaannya tentang sambutan yang julung kali diadakan di Putrajaya dan yang terakhir untuk beliau selaku Perdana Menteri.

Sambutan Hari Kebangsaan kali ini disertai oleh 23,000 peserta yang mengambil bahagian dalam perarakan dan disaksikan kira-kira 300,000 orang.

Ia turut diserikan dengan pelbagai persembahan menarik termasuk persembahan Kumpulan Simfoni Rakyat Malaysia.

Sambutan kali ini merupakan yang terakhir dihadiri

Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri ekoran keputusan beliau melepaskan jawatannya Oktober ini.

Sementara itu dalam perutusannya di dalam buku cenderamata Hari Kebangsaan Ke-46, Dr. Mahathir berkata, Malaysia kini berjaya mencapai tahap pembangunan yang membanggakan.

Kata Perdana Menteri, hari ini acara perbarisan dan perarakan menyambut Hari Kebangsaan dilangsungkan buat julung kali di Putrajaya.

"Bandar pintar yang menjadi pusat pentadbiran Kerajaan Pusat dan menjadi lambang kejayaan negara yang merdeka dan berdaulat," katanya.

Beliau memberitahu, pencapaian ini adalah hasil usaha rakyat yang telah berusaha dengan kuat dan gigih selama 46 tahun sejak merdeka.

Tegas beliau, generasi muda wajib mengenang budi datuk nenek serta ibu bapa mereka yang menjadi perintis kepada negara moden yang bakal diwarisi.

Ujarnya, ajaran tokoh-tokoh negara yang telah berganding bahu mencabar penjajah Inggeris untuk menawan kemerdekaan negara jangan dilupakan.

"Kejayaan tokoh-tokoh ini dilahirkan daripada kesanggupan mereka untuk bekerjasama antara satu sama lain, tanpa mengira kepentingan sesuatu bangsa untuk manfaat kita semua.

"Sifat mulia ini mesti diteruskan di kalangan generasi muda supaya nilai-nilai toleransi dan perpaduan tidak lenyap," katanya.

Katanya, kekuatan Malaysia bukan sahaja diperoleh daripada kegigihan rakyatnya, tetapi juga berdasarkan keamatan hubungan antara kaum.

Sehubungan dengan itu ujar beliau, sebagai rakyat Malaysia, adalah menjadi kewajipan untuk mempertahankan kemerdekaan yang merupakan hak kita.

Tambahnya, rakyat yang bersatu padu, menyokong usaha kerajaan dapat menangani segala cabaran dan rintangan yang dihadapi termasuk ancaman terhadap kestabilan ekonomi, politik dan sosial.

Dr. Mahathir berharap, acara sambutan Perayaan Bulan Kemerdekaan kali ini menjadi medan terbaik rakyat mensyukuri nikmat kemerdekaan.